

Hentikan jualan prapelancon

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR
norsyariza.tahir@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Syarikat pemaju disaran menghentikan aktiviti jualan prapelancon projek perumahan baharu bagi mengekang spekulasi berlebihan dalam harga hartanah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, tanpa menafikan tujuan prapelancon adalah untuk mempromosikan projek yang dibangunkan pemaju tetapi ia sebenarnya boleh mewujudkan manipulasi harga disebabkan trend belian dalam kalangan pembeli.

“Terdapat beberapa kes sebelum ini yang melibatkan pelabur membeli lebih daripada satu unit rumah ketika aktiviti prapelancon tanpa bercaadang untuk tinggal di kediaman tersebut.

“Ini seterusnya akan mem-

bawa kepada kenaikan harga secara mendadak bagi unit kediaman tersebut ketika projek berkenaan dilancarkan secara rasmi.

“Ini sekali gus akan mewujudkan situasi spekulasi dalam kalangan pembeli baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan buku *Housing the Nation: Policies, Issues, Prospects* yang dikeluarkan oleh Cagamas Holdings Berhad (Cagamas) di sini semalam.

Turut hadir ialah Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Pengerusi Cagamas, Datuk Ooi Sang Kuang.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Datuk Seri Michael Yam ketika diminta mengulas mengenai perkara itu berkata, aktiviti prapelancon dilakukan oleh pemaju bertujuan un-

tuk meninjau peluang pasaran terhadap projek yang akan dibangunkan.

“Bagaimanapun, mungkin kita boleh mengeluarkan beberapa spesifikasi terhadap pemaju sebagai garis panduan ketika menjalankan proses tinjauan peluang tersebut,” ujarnya pada majlis yang sama.

Sehingga kini, dianggarkan kira-kira 1.7 juta isi rumah, iaitu 20 peratus yang masih belum membeli kediaman sendiri disebabkan oleh faktor kenaikan harga hartanah di negara ini.

Atas faktor itu, kerajaan bakal membina kira-kira sejuta unit kediaman khusus untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam tempoh lima tahun.

Ia bakal dibangunkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad, Perumahan Rakyat 1Malaysia serta syarikat-syarikat pemaju perumahan yang terlibat.



ABDUL WAHID (dua dari kanan) bersama Zeti (dua dari kiri) pada majlis pelancaran buku keluaran Cagamas di Kuala Lumpur semalam.